

DOCX.MY
BERITA ONLINE ANDA!
Info semasa, Terkini, Viral, Agama, Pendidikan,
Makluman, Resepi, Informasi Kerajaan Dan Lain-Lain

INFO LANJUT  www.docx.my

 **DOCX.MY**
SENANG DOWNLOAD

Harga ubat dijangka naik lima peratus



PETALING JAYA: Harga ubat-ubatan untuk pasaran dalam negara dijangka meningkat sehingga lima peratus susulan nilai ringgit yang terus lemah dan tidak stabil berbanding dolar Amerika Syarikat (AS\$) sejak bulan lalu. Ini kerana kebanyakan ubat terutamanya ubat batuk, demam dan pelbagai jenis antibiotik diimport dari negara-negara luar dan urusan niaga dilakukan dalam AS\$.

Harga API di peringkat global meningkat mendadak pada hujung Disember 2022, sekali gus mendorong syarikat

farmaseutikal untuk melepaskan kos bahan mentah yang tinggi kepada pengguna bagi mengurangkan impak kepada pendapatan.

AmlInvestment Bank dalam nota penyelidikan menjelaskan bahawa syarikat farmaseutikal di bawah liputannya iaitu Apex Healthcare (Apex) dan Duopharma Biotech (Duopharma) dapat menyalurkan kos bahan mentah yang lebih tinggi kepada pelanggan mereka untuk mengurangkan kesan terhadap pendapatan.

Ia berkata, di dalam jangka pendek, Apex dan Duopharma bersedia untuk mendapat manfaat daripada kekurangan ubat yang berterusan dan peningkatan semula kes selsema di Malaysia.

Sementara itu, katanya, Duopharma boleh mendapat manfaat daripada pengukuhan berterusan ringgit berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) sejak awal November 2022.

"Secara positif, pemain farmaseutikal di bawah liputan kami mempamerkan kuasa penetapan harga untuk menyalurkan kos yang lebih tinggi kepada pelanggan dengan meningkatkan harga jualan produk.

Harga API di peringkat global meningkat mendadak pada hujung Disember 2022, sekali gus mendorong syarikat farmaseutikal untuk melepaskan kos bahan mentah yang tinggi kepada pengguna bagi mengurangkan impak kepada pendapatan.

AmlInvestment Bank dalam nota penyelidikan menjelaskan bahawa syarikat farmaseutikal di bawah liputannya iaitu Apex Healthcare (Apex) dan Duopharma Biotech (Duopharma) dapat menyalurkan kos bahan mentah yang lebih tinggi kepada pelanggan mereka untuk mengurangkan kesan terhadap pendapatan.

Ia berkata, di dalam jangka pendek, Apex dan Duopharma bersedia untuk mendapat manfaat daripada kekurangan ubat yang berterusan dan peningkatan semula kes selsema di Malaysia.

Sementara itu, katanya, Duopharma boleh mendapat manfaat daripada pengukuhan berterusan ringgit berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) sejak awal November 2022.

"Secara positif, pemain farmaseutikal di bawah liputan kami mempamerkan kuasa penetapan harga untuk menyalurkan kos yang lebih tinggi kepada pelanggan dengan meningkatkan harga jualan produk.

"Ini disokong oleh kemampuan trajektori margin untung kasar (GPM) sejak suku pertama 2021 hingga suku kedua 2022 meskipun harga API mencatatkan peningkatan tiga hingga lapan peratus secara konsisten dalam tempoh yang sama," katanya.

AmlInvestment Bank berkata, kelonggaran dasar sifar-COVID China pada awal Disember 2022 membawa kepada lonjakan kes COVID, yang mengakibatkan permintaan meningkat secara mendadak untuk ubat berkaitan selsema, yang digunakan untuk merawat gejala virus seperti demam dan batuk.

Dari segi bekalan, ia berkata, terdapat kawalan ketat ke atas pembelian ubat berkaitan selsema dalam tempoh tiga tahun lalu, termasuk keperluan terhadap pelanggan untuk memberikan maklumat peribadi dan bukti jangkitan.

Katanya, berikutan sekatan itu, farmasi di China mengurangkan tahap inventori sementara syarikat farmaseutikal mengurangkan pengeluaran di tengah-tengah kebimbangan stok tamat tempoh.

Namun, jelasnya kawalan itu telah ditarik balik pada akhir November 2022.

"Akibat daripada sekatan awal, China mengalami kekurangan bekalan ubat-ubatan yang teruk, membawa kepada sekatan eksport kerajaan China ke atas API.

"Akibatnya, terdapat kenaikan harga 12 peratus hingga 25 peratus pada akhir Disember 2022 di India. China menyumbang 40 peratus daripada bekalan API global," katanya.

Namun, AmlInvestment Bank berkata, situasi bekalan terhad dijangka berkurangan pada Februari atau Mac 2023 memandangkan beberapa kerajaan wilayah telah mengembalikan catuan ubat-ubatan sebagai sebahagian daripada usaha untuk memerangi kekurangan ubat-ubatan.

Di samping itu, ia berkata, kerajaan China mendorong syarikat farmaseutikal utama untuk mengeluarkan ubat pada kapasiti maksimum.

"Beberapa laporan media mendorong kami percaya bahawa kekurangan ubat boleh berkurangan dalam tempoh satu atau dua bulan selepas Tahun Baharu Cina.

"Walau bagaimanapun, kami melihat beberapa risiko terhadap tempoh masa memandangkan pulangan ratusan

juta pekerja migran untuk perayaan Tahun Baharu Cina boleh menyebarkan wabak itu ke seluruh negara," katanya.